

**MAJLIS PELANCARAN INFOSTI@MOSTI
22 FEBRUARI 2009
KOTA MARUDU, SABAH**

TERLEBIH DAHULU SUKACITA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN DI SINI MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERHORMAT MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI DI ATAS KESUDIAN KEDUA-DUA YANG BERHORMAT UNTUK MELAPANGKAN MASA MENGHADIRI PELANCARAN INFOSTI@MOSTI. TERIMA KASIH JUGA SAYA TUJUKAN KEPADA WARGA KOTA MARUDU DAN KAMPUNG SEMARIANG BATU, PETRAJAYA DI ATAS KEHADIRAN DAN SOKONGAN PIHAK TUAN DAN PUAN DALAM MAJLIS KITA PAGI INI.

YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

INFOSTI@MOSTI ADALAH MERUPAKAN SALAH SATU INISIATIF TANGGUNGJAWAB SOSIAL (*CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY – CSR*) MOSTI UNTUK MENGGALAKKAN PENGGUNAAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI) BAGI MEMPERBAIKI KUALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT. IANYA MERUPAKAN SATU PROGRAM MOSTI BAGI MENYOKONG HASRAT KERAJAAN UNTUK MENJAYAKAN AGENDA IT NEGARA KE ARAH MEWUJUDKAN MASYARAKAT BERMAKLUMAT DAN BERPENGETAHUAN MENJELANG TAHUN 2020. USAHA INI ADALAH SELARAS DENGAN VISI DAN MISI MOSTI UNTUK MENJADI PENERAJU DALAM PEMBANGUNAN S&T SERTA

ANJAKAN INOVASI BAGI MENGGIATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DAN SOSIAL.

YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

PROGRAM INFOSTI@MOSTI MEMPUNYAI 4 KOMPONEN UTAMA BERIKUT:

PERTAMA, PENYEDIAAN PERKHIDMATAN WIRELESS

KEDUA, PUSAT INFOSTI@MOSTI

KETIGA, LAMAN WEB ATAU MAKLUMAT INFOSTI@MOSTI: DAN

KEEMPAT, ADALAH SUKARELAWAN INFOSTI@MOSTI

BAGI MEMASTIKAN MASYARAKAT TEMPATAN MENGAKSES INTERNET, MIMOS BERHAD AGENSI DI BAWAH MOSTI TELAH MELAKSANAKAN INISIATIF PENYEDIAAN WIRELESS DI KAWASAN TERPILIH. SEHINGGA KINI 4 LOKASI UTAMA TELAH DI SEDIAKAN PERKHIDMATAN INI, IAITU DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KOTA MARUDU, PEJABAT PBS, PEJABAT UMNO DAN PUSAT INFOSTI. DUA LAGI LOKASI SEDANG DALAM PELAKSANAAN, IAITU PEJABAT DAERAH KOTA MARUDU DAN PUSAT BANDAR KOTA MARUDU. DENGAN ADANYA PERKHIDMATAN WIRELESS INI PENDUDUK DALAM LINGKARAN 300 METER DARI LOKASI YANG DINYATAKAN BOLEH MENGAKSES INTERNET SECARA PERCUMA.

KOMPONEN KEDUA IAITU PUSAT INFOSTI@MOSTI ADALAH MERUPAKAN ENTITI FIZIKAL YANG DILENGKAPI DENGAN PRASARANA ICT YANG TERLETAK DALAM KAWASAN DESA ADALAH DIHARAPKAN DENGAN MERUPAKAN ENTITI FIZIKAL YANG DILENGKAPI DENGAN PRASARANA ICT YANG TERLETAK DALAM KAWASAN DESA. SELAIN MENJADI FOKUS PERTEMUAN FIZIKAL SETEMPAT, PUSAT INFOSTI@MOSTI INI JUGA AKAN MENJADI PEMANGKIN BAGI MERAPATKAN JURANG DIGITAL DI KAWASAN DESA DI SAMPING BERFUNGSI SEBAGAI PUSAT LATIHAN DAN PERTEMUAN INTERAKSI MAYA DI KALANGAN MASYARAKAT DESA. PEMBANGUNAN PUSAT INI ADALAH BERKONSEPKAN PEMILIKAN KOMUNITI, PENGUPAYAAN DAN KEMAPANAN DENGAN PENYEDIAAN BANGUNAN DENGAN KELENGKAPAN 30 BUAH PC BERINTERNET.

ANTARA PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH PUSAT INFOSTI@MOSTI IALAH :

- LATIHAN ASAS DAN KEMAHIRAN ICT
- PERKHIDMATAN KOMPUTER DAN INTERNET
- PERKHIDMATAN PORTAL STI
- PERCETAKAN KOMPUTER
- PERKHIDMATAN LAMAN WEB
- MENYEDIAKAN MAKLUMAT STI
- GERBANG PERKHIDMATAN E-KERAJAAN

LAMAN WEB ATAU MAKLUMAT INFOSTI@MOSTI YANG DIBANGUNKAN OLEH MIMOS BERHAD PULA ADALAH

MERUPAKAN GERBANG MAKLUMAT YANG MEMBERI KESEMPATAN KEPADA WARGA TEMPATAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT TERKINI MENGENAI APLIKASI TEKNOLOGI DAN SAINS SERTA PELBAGAI PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH PIHAK MOSTI DAN AGENSI KERAJAAN.

BAGI MEMASTIKAN MASYARAKAT SETEMPAT DAPAT MEMANFAATKAN PUSAT DAN LAMAN WEB INFOSTI@MOSTI, MOSTI DENGAN KERJASAMA RAKAN PELAKSANA KHUSUSNYA CYBER DEVELOPMENT CORP TELAH MENUBUHKAN SEPASUKAN SUKARELAWAN INFOSTI@MOSTI. SUKARELAWAN YANG TELAH DILATIH SERTA TERDIRI GOLONGAN BELIA TEMPATAN AKAN MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMBANTU MASYARAKAT SETEMPAT MENGGUNAKAN KEMUDAHAN PUSAT INFOSTI@MOSTI.

YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

PROJEK INFOSTI@MOSTI DI KOTA MARUDU DAN KAMPUNG SEMARIANG BATU, PETRAJAYA ADALAH MERUPAKAN 2 PUSAT RINTIS PERTAMA DILAKSANAKAN OLEH MOSTI. KEJAYAAN PELAKSANAAN PROJEK RINTIS INI BANYAK DIBANTU OLEH SUMBANGAN DAN PENGLIBATAN AKTIF SEMUA PIHAK BUKAN SAHAJA OLEH AGENSI DI BAWAH MOSTI MALAH KHUSUSNYA RAKAN PELAKSANA PROJEK DARIPADA SEKTOR SWASTA DAN BADAN SUKARELAWAN. SUKACITA SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN DI SINI UNTUK MENGUCAPKAN

JUTAAN TERIMA KASIH KHUSUS YANG BERHORMAT PUAN ANITA BARANTING, ADUN N.5 TANDEK, PUAN JULITA DALINCI, PEGAWAI DAERAH KOTA MARUDU, DATO ABDUL WAHAB ABDULLAH, PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MIMOS BERHAD, DATO DR. AHMAD SABIRIN, CEO, ATSB SDN BHD, DR DAYANG AMINAH ALI, CEO, KOLEJ YAYASAN SABAH, ENCIK MOHAMMAD ZIKRUN, PENGURUS ICT, KUMPULAN YAYASAN SABAH DAN BEBERAPA INDIVIDU YANG MEMBERI SUMBANGAN SECARA LANGSUNG DALAM PROJEK INI.

AKHIR KATA, SUKACITA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN DI SINI UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA SEKALI LAGI KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI. SEMOGA USAHA DAN KERJASAMA INI AKAN BERTERUSAN DALAM MEMASTIKAN HASRAT NEGARA MENJADI SEBUAH MASYARAKAT BERMAKLUMAT MENJELANG 2020 MENJADI KENYATAAN.

SAYA SUDAH DENGAN WABILAHI TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WBT.

SEKIAN, TERIMA KASIH.